



KEMENTERIAN PENDIDIKAN
PEJABAT PENDIDIKAN DAERAH BINTULU

PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM 2026

BAHASA MELAYU

1103/1

Kertas 1

Julai

2 jam

Dua jam

JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas peperiksaan ini mengandungi **dua** bahagian:
Bahagian A dan Bahagian B.*
2. *Jawab soalan **Bahagian A** dan **satu** soalan daripada
Bahagian B.*
3. *Jawapan anda hendaklah ditulis di dalam buku jawapan yang
disediakan. Sekiranya ruang jawapan tidak cukup, sila
dapatkan helaian tambahan daripada pengawas peperiksaan.*
4. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi.*

Kertas peperiksaan ini mengandungi 4 halaman bercetak

Bahagian A

[30 markah]

Soalan ini **mesti** dijawab.


Petikan dan grafik di bawah menunjukkan maklumat berkaitan dengan bidang pertanian di Malaysia.

Berdasarkan maklumat tersebut, huraikan pendapat anda tentang **bidang pertanian di Malaysia**.


Panjangnya huraian anda hendaklah antara **150 hingga 200 patah perkataan**.

Kemajuan sektor pertanian dalam sesebuah negara dapat mengurangkan kebergantungan terhadap negara luar dalam menampung keperluan permintaan bagi produk makanan dan perkara-perkara lain yang berkaitan dengan bidang pertanian, penternakan, dan perikanan.

Sumber: *Utusan Borneo Online*, 11 Jun 2020



Bantuan kewangan



Teknologi moden

Bahagian B

[70 markah]

*Bahagian ini mengandungi empat soalan. Jawab **satu** soalan.*

*Tulis sebuah karangan yang panjangnya antara **350 hingga 500** patah perkataan.*

1. Amalan kitar semula merupakan antara langkah berkesan untuk menjamin kelangsungan hidup manusia pada masa hadapan dan wajar dijadikan sebagai cara hidup dalam kalangan masyarakat, sama ada di rumah, sektor industri mahupun institusi pendidikan. Oleh sebab itu, masyarakat perlu bertindak segera untuk mengamalkan kitar semula dalam kehidupan seharian kerana jumlah sisa buangan yang dihasilkan oleh setiap individu semakin meningkat.

Sumber: Berita Harian, 24 Jun 2022

Sebagai respons terhadap petikan di atas, huraikan usaha-usaha memupuk amalan tersebut dalam kalangan masyarakat di negara ini.

2. Kerjaya amat berkait rapat dengan perkembangan kehidupan seseorang. Kerjaya juga merupakan kerjaya berterusan dan kesinambungan daripada pengalaman dalam kehidupan individu. Oleh itu, pemilihan kerjaya yang tepat dan bersesuaian dengan kelulusan dan personaliti diri sangat penting dalam menentukan hala tuju kehidupan seseorang individu.

Sumber: Internet

Bincangkan faktor-faktor dalam petikan dan faktor lain dalam pemilihan kerjaya.

3. Hari Koperasi Sekolah merupakan antara program tahunan yang dianjurkan di sekolah. Program ini memberi peluang kepada murid untuk terlibat dalam aktiviti jual beli, pengurusan gerai, dan pelbagai aktiviti keusahawanan. Melalui program ini, murid bukan sahaja memperoleh pengalaman perniagaan, malah dapat membentuk jati diri yang lebih bertanggungjawab dan berdikari.
- Sumber: Internet

Berdasarkan petikan di atas, huraikan kepentingan-kepentingan tersebut.

4. Teknologi digital telah menjadi sebahagian daripada kehidupan harian masyarakat moden. Antara kesan teknologi digital ialah memudahkan komunikasi tanpa mengira jarak dan masa. Melalui aplikasi seperti mesej segera dan panggilan video, manusia dapat berhubung dengan lebih cepat dan berkesan walaupun berada di lokasi yang berbeza. Hal ini telah menjadikan komunikasi lebih efisien dalam pelbagai urusan harian.
- Sumber: Internet

Selain kesan yang dinyatakan dalam petikan, huraikan kesan-kesan lain teknologi digital terhadap masyarakat.

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT



SERTAI TELEGRAM @exercise_students